

BYOND[®]

LEBIH 10,000 NASKHAH TELAH DIMILIKI
**BUKU
TERLARIS**

NLP

FOR LEADERS

NEURO-LINGUISTIC PROGRAMMING

FARHAN JOHARI



BYOND®



Pengarang

FARHAN JOHARI

PUSTAKA PERDANA



1013338

BYOND®

Byond Success Sdn Bhd (1113174-U)
85-1, Dataran Dwitasik, Jalan Dwitasik 1,
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras,
Kuala Lumpur.

Customer Service: 017-334 2644

Emel: customercare@byondsuccess.com

Website: www.byondsuccess.com



@Farhan Johari



@farhanj0hari



@sayafarhanjohari

**Terbitan Byond Success Sdn Bhd,
Hakcipta © 2019 oleh Byond Success Sdn Bhd**

Cetakan Pertama Februari 2019

Cetakan Kedua Mac 2022

Cetakan Ketiga Mei 2022

Cetakan Keempat Jun 2023

Hakcipta terpelihara: Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis Byond Success Sdn Bhd.

Pengarang Penerbitan	:	Farhan Johari
Pengurus Besar	:	Farhan Johari
Pengurus Penerbitan	:	Zulfadhli Talib
Pengarah Seni	:	Amirul Hafis
Perolehan	:	Malik Hairuddin
Editor Pengurusan	:	Farhan Johari
Rekaan Kulit/Reka letak Grafik	:	Muhammad Mujid



@byondsuccess

ISI KANDUNGAN

Bab 1 : Pengenalan NLP For Leaders

Pengenalan	9
Mengapa Buku Ini Ditulis?	11
Kenapa Motivasi dan Kepimpinan?	12

Bab 2 : Apa itu NLP?

Pengenalan Kepada NLP.....	21
NLP Secara Ringkas	23
Kesimpulan NLP.....	27

Bab 3 : Aplikasi NLP dalam Kepimpinan

NLP Dalam Kepimpinan	31
Kenapa NLP Penting?	33
Kaitan Antara NLP Dan EQ	36

Bab 4 : Skil Pengurusan Diri Pemimpin

Skil Pengurusan Diri Pemimpin	41
a) Tekanan	42
b) Masa	45
c) Masalah	50
d) Keputusan	51
e) Keyakinan	51

Bab 5 : Gaya Kepimpinan

Gaya Kempimpinan	55
Pemimpin Berorientasikan Tugas	56
Pemimpin Berorientasikan Hubungan	58
Kekuatan & Kelemahan Pemimpin Berorientasikan Tugas	61
Kekuatan & Kelemahan Pemimpin Berorientasikan Hubungan	62

Bab 6 : Situasi Kepimpinan

Kepimpinan Mengikut Situasi	67
4 Gaya Kempimpinan	70
4 Perbezaan Tahap Pembangunan Pasukan	76

Bab 7 : Komunikasi Dalam Pasukan

Komunikasi	82
Elemen Komunikasi	85

Bab 8 : Gaya Komunikasi Manusia

Kenali Gaya Komunikasi	90
Soal Selidik Gaya Komunikasi	91

Bab 9 : Memahami Gaya Komunikasi

Bagaimana Untuk Menilai Markah Yang Diperolehi?	102
Individu Gaya Visual	103
Individu Gaya Auditori	107
Individu Gaya Kinestatik	112
Individu Gaya Digital	120

Bab 10 : Strategi Komunikasi Berpasukan

Strategi Berkomunikasi Dengan 4 Gaya Yang Berbeza	130
Tips 1 : Cara Membentangkan Idea dan Maklumat	131
Tips 2 : Apa Yang Diharapkan Ketika Buat Keputusan	132
Tips 3 : Tugas yang Sesuai Untuk Setiap Gaya Komunikasi ...	133



Buku ini didedikasikan khas untuk
kedua ibu bapa saya...

**Johari bin Mohd
dan
Ainon Binti Abdullah**

PENGENALAN

**NLP
FOR
LEADERS**

NLP FOR LEADERS: Neuro-linguistic programming



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATSIAN
KEPUSTAKAAN
PERDANA**

**“LEADERSHIP
IS NOT A POSITION
OR A TITLE, IT IS
ACTION AND
EXAMPLE”**

PENGENALAN

Terima kasih dan tahniah kerana anda berjaya membaca perkataan yang tertulis ini. Satu langkah positif telah dilakukan oleh anda kerana ramai yang membeli buku tetapi tidak berjaya membacanya.

Membeli buku adalah satu kejayaan, tetapi membacanya adalah satu lagi kejayaan yang tidak semua mempunyai kekuatan untuk melakukannya.

Saya percaya anda yang sedang membaca tulisan ini pastinya teruja untuk mempelajari serta memahami apakah yang tertulis perkataan demi perkataan, barisan demi barisan, perenggan demi perenggan seterusnya helaian demi helaian buku NLP For Leaders ini.

“Membeli buku adalah satu kejayaan, tetapi membacanya adalah satu lagi kejayaan”

Pastinya anda yang membaca adalah pemimpin yang ingin gandakan skil kepemimpinan yang telah ada dalam diri. Saya juga pasti bahawa ada yang sedang membaca buku ini bakal pemimpin di masa hadapan.

Selain itu juga, keterujaan saya pastinya berganda sekiranya anda yang membaca buku ini masih dalam proses utk mencari dan mencungkil skil kepemimpinan.

**“Membaca buku ini
adalah pilihan bagi anda,
tetapi satu rahmat
yang besar kepada
saya”**

Terima kasih sekali lagi diucapkan, tidak kira siapa pun anda dan juga di mana pun anda berada, saya doakan agar anda sentiasa diberi kesihatan yang baik dan fokus yang tinggi untuk ‘menghadam’ kandungan isi buku ini.

MENGAPA BUKU INI DITULIS?

Pelbagai seminar motivasi, seminar kepimpinan, kem bina semangat dan pelbagai lagi yang seangkatan dengannya telah saya sertai sejak dari sekolah rendah.

Ini kerana saya tertarik dengan tugas-tugas yang dilakukan oleh para penceramah, abang dan kakak fasilitator serta kru-kru yang terlibat. Saya mula berjinak-jinak dengan industri latihan ketika masih belajar di peringkat Diploma.

Ketika peringkat Ijazah, saya mula menjalankan seminar-seminar di sekolah rendah untuk berkongsi ilmu dan pengalaman. Antara seminar yang saya jalankan pada ketika itu adalah seminar motivasi dan juga seminar kepimpinan.



KENAPA MOTIVASI DAN KEPIMPINAN?

Pada ketika itu, saya hanya fikir untuk berkongsi apa yang menjadi 'makanan' dalam diri.

Berpengalaman menjadi pengawas sekolah bermula darjah 2, ketua tingkatan dan ketua persatuan unit beruniform di peringkat sekolah menengah serta pengerusi jawatankuasa di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) menjadikan 'lesen' dan 'modal' keyakinan untuk berkongsi.

Bermula dengan sekolah rendah dan alhamdulillah kini selepas 10 tahun dalam industri latihan (tahun 2018), alhamdulillah saya telah berkongsi kepada lebih 10,000 individu berkaitan motivasi dan kepimpinan.

Kerjaya saya juga cenderung kepada motivasi dan kepimpinan untuk para usahawan. Duduk di dalam dunia latihan memberi peluang kepada saya untuk mendapat akses kepada ikon-ikon motivasi dan usahawan di Malaysia serta mengenali mereka dengan lebih dekat.





Bersama
Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah



**Bersama
Datuk Prof Dr Che Muhaya Haji Mohamad**

Alhamdulillah...

Saya berkesempatan untuk duduk berbual dan mengendalikan program-program yang melibatkan ikon-ikon motivasi seperti Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, Prof. Muhaya, Dr. Hj. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad, Haji Fadzli Yusof dan ramai lagi.

Dalam masa yang sama saya juga berpeluang untuk mengenali sifu-sifu usahawan seperti Sifu Jamal dari SifufBads, Abdul Basit dari BYOND Group Of Companies, Najib Assadok dari Momentum Internet Sdn Bhd dan ramai lagi. Selepas membuat kajian latar belakang dan mengikuti rapat di laman sosial, apa yang menarik mereka semua mempunyai satu persamaan.

Apakah persamaan tersebut?



Suasana menarik salah satu seminar yang dikendalikan

Mereka semua adalah pemilik bisnes dan insan-insan yang sangat bermotivasi tinggi.

Timbul pula soalan kedua, apakah ilmu 'extra' yang mereka telah pelajari menjadikan mereka berada di tahap ini?

Satu ilmu yang ada pada mereka semua iaitu Neuro Linguistic Programmng atau nama singkatannya adalah NLP.

Sejak dari itu, saya mula mempelajari dan memahami ilmu NLP sehingga menerima pentauliahn Basic Practitioner pada tahun 2012 dan pentauliahn Master Practitioner 2 tahun berikutnya dari NLP Malaysia Centre yang dikendalikan oleh Hj.Fadzli Yusof sebagai Certified NLP Trainer.

SEMINAR
KI



Saya berdiri di sebelah kanan

Berbalik kepada soalan mengapa saya menulis buku ini, ia adalah kerana saya ingin berkongsi keterujaan mengaplikasikan ilmu NLP dalam kehidupan harian terutamanya aspek kepimpinan.

Secara peribadi, ilmu NLP ini sangat baik dan begitu bernilai kepada mereka yang ingin meletuskan potensi di dalam diri. Atas rasa tanggungjawab, saya jadikan buku ini sebagai satu medium perkongsian ilmu NLP kepada anda semua.

Saya doakan anda yang membaca buku ini dapat mempelajari sesuatu dan menjadikan ilmu di dalam buku NLP For Leaders ini sebagai salah satu 'senjata' untuk 'menawan' minda pasukan anda, insyaAllah!



“Kredibiliti seorang pemimpin terbina daripada sistem kepercayaan, skil komunikasi dan tahap keyakinan dalam diri seseorang.” – **Farhan Johari** *(Certified NLP Master Practitioner)*

Secara tidak sedar, aplikasi NLP telah digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian kita. Sebagai seorang pemimpin, ilmu tentang NLP dapat membantu kita untuk memahami gaya fikir kita sendiri dan juga orang lain. Dalam buku ini, saya berkongsi tentang aplikasi NLP dalam kepimpinan. Kenapa NLP penting untuk difahami oleh seorang pemimpin dan bagaimana NLP berkait rapat dengan EQ manusia.

NLP membantu kita untuk meningkatkan skil sebagai seorang pemimpin. Dengan skil pengurusan kepimpinan yang betul, ia mampu melonjakkan diri kita sebagai seorang pemimpin yang mempunyai skil kepimpinan yang diimpikan. Bukan mudah untuk menjadi pemimpin yang berkualiti dan juga menguruskan kerendah staf yang pelbagai. Namun ia bukanlah suatu perkara yang mustahil saat kita faham gaya fikir setiap ahli pasukan.

NLP juga membantu kita untuk berkomunikasi menggunakan teknik dan strategi yang betul. Seni berkomunikasi yang betul akan memberi impak kepada cara kita mengetuai kepimpinan dalam syarikat. Tanpa kita sedari, NLP membantu mengurangkan jurang antara pemimpin dan staf biasa. Teknik komunikasi yang betul dipercayai akan membentuk satu pasukan yang hebat!

Saya yakin dan percaya, buku ini dapat membantu kita untuk membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang kepimpinan dengan aplikasi NLP. Ia menjadi teras untuk kita membangunkan diri sebagai seorang pemimpin yang berkaliber dan berdaya saing dengan pemikiran yang positif.

Diterbitkan oleh:

BYOND SUCCESS SDN BHD (1113174-U)

85 - 1, Dataran Dwtasik, Jalan Dwtasik 1,
Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Pejabat : 03 9174 1547

Website: www.byondsucces.com

ISBN 978-967-14520-4-2



9 789671 452042